

SALUTASI
PELANCARAN EKSPLO BUKU MALAYSIA 2024
SEMPENA TAHUN MELAWAT MELAKA 2024

1. **Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ab Rauf Yusoh**
Ketua Menteri Melaka
2. **YBhg. Dato' Dr. Husaini Omar**
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, UTeM
3. **Yang Berbahagia Tan Sri Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff bin Abu Bakar**
Pengerusi Lembaga Pengelola Yayasan Pembangunan Buku Negara
4. **Yang Berbahagia Profesor Dr. Kamaruddin M. Said**
Timbalan Presiden, Majlis Profesor Negara
5. Dif-dif Kehormat
6. Pegawai Kanan Universiti
7. Barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM
8. Rakan - rakan Media
9. Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian



**TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM**

**MAJLIS PELANCARAN EKSPLO BUKU MALAYSIA 2024
SEMPENA TAHUN MELAWAT MELAKA 2024**

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
**20 Jun 2023 / 3.30 petang
Auditorium Canselor UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

Salam Melaka Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia

Salam UTeMku Sayang, Menjajar Universiti Melonjak ke
Hadapan

**Yang Amat Dikasihi Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.)
Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

Yang Dipertua Negeri Melaka merangkap Canselor UTeM

1. Sempena petang yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun selaku Canselor UTeM

kerana sudi meluangkan masa untuk hadir ke majlis pada hari ini.

2. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun hadir pada majlis ini amat bermakna buat seluruh keluarga UTeM. Keprihatinan daripada Tuan Yang Terutama Tun sesungguhnya dapat menyemarakkan lagi keazaman seluruh keluarga UTeM untuk terus gigih demi memastikan kelestarian dan kecemerlangan UTeM.
3. Tuan Yang Terutama Tun Canselor, mohon diizinkan saya untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin yang saya hormati.

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SALUTASI

-Seperti di Lampiran

4. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah mengizinkan kita berjumpa pada petang ini, bagi menjayakan Majlis Pelancaran Ekspo Buku Malaysia 2024 sempena Tahun Melawat Melaka 2024. Di kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah kepada UTeM dan Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) selaku penganjur bersama yang telah bertungkus lumus bagi memastikan majlis pada hari ini dapat dilaksanakan.
5. Saya juga menzahirkan penghargaan kepada YPBN kerana telah memberikan kepercayaan kepada UTeM sebagai penganjur bersama bagi membentuk sinergi dalam menjayakan Ekspo Buku Malaysia 2023. Pengiktirafan ini selari dengan Pelan Perancangan Strategik UTeM 2023 – 2025 dalam memperkasa budaya penerbitan penyelidikan berimpak tinggi.

Tuan yang Terutama Tun serta Hadirin dan Hadirat sekalian,

6. Semenjak penubuhan UTeM, lebih 700 judul buku merangkumi buku ilmiah dan umum telah diterbitkan dari tahun 2000 hingga kini. Penerbitan berkualiti telah menyumbang kepada peningkatan jualan. Ini dibuktikan dengan nilai jualan buku terbitan UTeM di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2023 (PBAKL) yang mana telah meningkat dari RM9,543.44 pada tahun 2022 kepada RM10,876.05 bagi tahun 2023 yang mencatat kenaikan sebanyak 13.96 %.
7. Lebih membanggakan, nilai jualan buku terbitan UTeM di PBAKL 2023 adalah yang tertinggi dalam kalangan MTUN. Tahniah dan syabas kepada Penerbit Universiti, penulis dan penyelidik UTeM. Semoga lebih banyak peningkatan dan kejayaan dapat dilakar pada masa akan datang untuk memperkasakan lagi penerbitan UTeM.

Tuan yang Terutama Tun serta Hadirin dan Hadirat sekalian,

8. Ekspo Buku Malaysia telah mencipta tradisi tersendiri dalam membentuk generasi Malaysia yang bertamadun dan berdaya saing terutamanya generasi muda. Izinkan saya memetik ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dalam Majlis Perasmian PBAKL 2023 bertarikh 27 Mei 2023, “Negara Malaysia dan Malaysia Madani tidak mungkin terangkat tanpa akhlak, tanpa nilai dan tanpa kesediaan anak-anak untuk membudayakan ilmu melalui pembacaan yang meluas”.
9. Justeru itu, ekspo buku seperti ini merupakan platform terbaik memupuk budaya membaca dan menulis ke arah merealisasikan matlamat dan hasrat kerajaan membina Malaysia Madani yang dinamik seiring dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca 2030. Usaha ini juga bagi memartabatkan penggiat industri perbukuan termasuk penulis dan penerbit untuk merencanakan lagi aktiviti penerbitan dan perbukuan dalam negara.

10. Sewajarnya peluang ini juga diambil oleh Penerbit-Penerbit Universiti untuk mempamerkan penerbitan buku terutamanya buku ilmiah yang menjadi sumber rujukan berkualiti dan seterusnya sebagai khazanah ilmu yang berharga untuk diwarisi oleh generasi akan datang. Penerbitan yang berkualiti akan meningkatkan citra positif Universiti di persada perbukuan negara dan antarabangsa.
11. Tahun 2024, Negeri Melaka dijangka akan menerima kemasukan 18.7 juta pelancong domestik dan antarabangsa sempena Tahun Melawat Melaka 2024 dengan tema **Melaka Bandaraya Warisan Dunia UNESCO** dan **Melaka Is The Place To Be**. Dalam konteks ini, penganjuran Ekspo Buku Malaysia 2024 di Negeri Melaka oleh YPBN bersama UTeM selaku rakan strategik utama pastinya akan menyokong dan menambah impak dalam menjayakan Tahun Melawat Melaka 2024.

Tuan Yang Terutama Tun, dan hadirin sekalian,

12. Sebagai makluman Tuan Yang Terutama Tun, sebelum majlis pelancaran ini telah berlangsung program Wacana Kedaulatan Malaysia pada sebelah pagi. Saya amat yakin, berbekalkan perkongsian pengalaman dari para panel yang terdiri daripada Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain, Yang Berbahagia Profesor Emeritus Datuk Dr. Zainal bin Kling dan Yang Berbahagia Profesor Dr. Kamaruddin M. Said serta Yang Berbahagia. Tan Sri Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff bin Abu Bakar selaku moderator, para peserta wacana pastinya telah mendapat suatu pengalaman dan ilmu baharu dalam menyemarakkan lagi semangat kecintaan kepada negara yang kita sayangi ini.
13. Saya percaya program seumpama ini dapat mencorakkan dan membangkitkan semangat patriotisme dalam kalangan para peserta selain melonjakkan imej dan keternampakan UTeM. Diharapkan juga program seperti ini mampu

memberikan nilai positif dalam diri kita semua selain mengukuhkan lagi perpaduan di kalangan warga UTeM sebagai sebuah keluarga UTeM serta menjalin kemesraan kita bersama masyarakat setempat.

Tuan Yang Terutama Tun, dan hadirin sekalian,

14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Melaka khususnya kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka yang sentiasa memberikan sokongan padu dan kerjasama berterusan kepada UTeM. Tanpa sokongan dan dukungan daripada pihak Kerajaan Negeri dan semua pihak yang terlibat, pastinya UTeM tidak mampu berada di aras kecemerlangan hari ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

15. Sekian sahaja ucapan saya. Akhir kata, sekali lagi saya ingin menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun atas kesudian hadir dan bersama-sama kami pada petang ini. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun begitu besar ertinya buat kami semua.

Kuning emas masakny padi,
Bunga kesidang dalam jambangan;
Terima kasih menjunjung budi,
Kunjungan Tuan Yang Terutama Tun jadi kenangan.

Saya sudahi ucapan ini dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA